

# Program UPMET

**P**ENDIDIKAN pelaburan sangat penting dalam pencapaian sesebuah negara dengan dijana melalui sistem pendidikan bagi menentukan hala tuju masa depan.

Proses pendidikan adalah kaedah berkesan dalam membentuk penajanaan minda, jiwa dan rohani ke arah mengenali diri di samping mencapai tahap kehidupan bermasyarakat yang baik dan sempurna selari dengan fasa kemajuan negara kini.

UPM Education & Training Sdn Bhd (UPMET) ditubuhkan pada 16 Mac 2009 berpegang kepada portfolio mengurus dan mengendalikan program atau kursus membabitkan pembangunan profesional dan latihan berkaitan perkembangan teknologi.

Berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat, UPMET menawarkan program jangka pendek komprehensif dalam



**TERKENAL...UPM lahirkan graduan bermutu.**

pelbagai disiplin untuk keperluan sesebuah organisasi.

Selain menguruskan program berasaskan pembangunan dan latihan, UPMET juga menawarkan Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) UPM dan Program Kerjasama UPM-IPTS. Penawaran program ini memberi peluang meningkatkan taraf pendidikan untuk menyambung pelajaran

serta memperbaiki taraf hidup masing-masing.

Bagi yang berminat menyertai kursus ditawarkan atau sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Kemasukan dan Hal Ehwal Pelajar, UPM Education & Training Sdn Bhd, Universiti Putra Malaysia di talian 03-89468815/8817/8821/8829 atau layari [www.upmet.upm.edu.my](http://www.upmet.upm.edu.my).